

UNTUK SIARAN SEGERA

7 FEBRUARI 2020

UEM Edgenta Peneraju Pasaran dalam Kecekapan Tenaga, Sokong Inisiatif Kemampanan Kerajaan

- Merupakan antara salah satu syarikat terbesar dalam sektor kecekapan tenaga, mempunyai inisiatif yang dilaksanakan untuk kira-kira 80 bangunan, khususnya hospital-hospital di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia (“KKM”)
- Menjana lebih daripada RM41 juta dalam penjimatan elektrik untuk hospital-hospital KKM sehingga kini
- Penerapan teknologi pengurusan tenaga dan struktur kewangan inovatif untuk menyokong MESTECC dalam mencapai sasaran penjimatan elektrik sebanyak 8% menjelang tahun 2025

KUALA LUMPUR, 7 Februari - UEM Edgenta Berhad (“UEM Edgenta” atau “Syarikat”), syarikat Pengurusan Aset dan Penyelesaian Infrastruktur terkemuka di rantau ini akan terus meneroka peluang-peluang berpotensi tinggi yang berkaitan dengan pengurangan pembebasan gas rumah hijau dan membantu kerajaan mengurangkan perbelanjaan elektrik serta jejak karbon operasinya. Sokongan tersebut sejajar dengan agenda Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (“MESTECC”), melalui Pelan Tindakan Kecekapan Tenaga Negara yang mensasarkan untuk mencapai penjimatan 8% daripada kecekapan tenaga menjelang tahun 2025.

Syarikat kini menyediakan perkhidmatan pengurusan tenaga di pelbagai aset milik kerajaan dan persendirian di seluruh Malaysia. Aset-aset utama di bawah jagaannya termasuk, antara lain, rangkaian hospital KKM di Perak, Kedah, Pulau Pinang dan Perlis, kemudahan perindustrian seperti Pusat Kecemerlangan PROTON di Taman Industri Sime UEP dan kilang pembuatannya di Tanjung Malim, serta Kompleks Setia Perdana (Pejabat Perdana Menteri) yang juga telah merangkul pelbagai anugerah.

Di bawah program perkhidmatan pengurusan tenaga Syarikat, yang dilaksanakan oleh anak syarikatnya, Edgenta Greentech Sdn. Bhd., UEM Edgenta berupaya untuk menaik taraf bangunan lama dengan teknologi pengurusan tenaga dan berpengalaman untuk menerapkan penyelesaian secara berskala. Ini juga dapat dilaksanakan menerusi struktur Kontrak Prestasi

Tenaga (“EPC”) Syarikat, iaitu satu konsep inovatif bersifat penjimatan bersama *turnkey* yang boleh membantu syarikat-syarikat dalam mengatasi komitmen modal terdahulu melalui penghasilan keputusan yang cepat. Inisiatif EPC Syarikat telah mengumpul lebih daripada RM55 juta dalam penjimatan elektrik yang merangkumi penggunaannya di asset-aset awam serta swasta bagi tempoh 2017 hingga 2019.

“Kami menawarkan jaminan dan kepuasan kepada pelanggan kami dari sektor awam dan swasta. Teknologi telah membolehkan kami untuk memperkenalkan penyelesaian yang mempunyai keupayaan dan terbukti untuk memberi kesan positif terhadap prestasi tenaga bangunan binaan lama yang memerlukan penambahbaikan menggunakan kemajuan hari ini. UEM Edgenta mempunyai kebolehan untuk mengubah bangunan lama secara berskala dan membuahkan hasil yang berpusat kepada kemampanan seperti mengurangkan penggunaan tenaga serta jejak karbon,” kata Dato' Azmir Merican, Pengarah Urusan / Ketua Pegawai Eksekutif UEM Edgenta Berhad.

Beliau berucap semasa perjumpaan bersama YB Puan Yeo Bee Yin, Menteri MESTECC di Ibu Pejabat UEM Edgenta di Kuala Lumpur, semalam.

“Kami ingin melakukan pendekatan berbeza dan menyokong MESTECC, memandangkan terdapat peluang-peluang yang boleh diterokai oleh UEM Edgenta dengan kerjasama Kerajaan untuk meneraju inisiatif-inisiatif kecekapan tenaga, bermula dengan rangkaian aset yang luas serta keupayaan untuk menaik taraf menjadi bangunan hijau. Untuk membuahkan hasil secara berskala, kami bersedia untuk bekerjasama dengan perusahaan kecil dan sederhana (“SME”) tempatan dalam sektor tenaga untuk membangunkan keupayaan mereka menggunakan Akademi Edgenta sebagai platform pembangunan industri bagi memupuk modal insan melalui program berstruktur yang bertujuan untuk menginstitusikan piawaian bertaraf dunia,” tambah Dato' Azmir Merican.

Segmen Pengurusan Aset UEM Edgenta terdiri daripada *Property and Facility Solutions* (“PFS”) dan *Healthcare Support*. Fokus PFS adalah untuk meningkatkan nilai aset pelanggan dengan mengoptimumkan prestasi aset dan mempunyai lebih dari 20 tahun pengalaman dalam pengurusan kemudahan bersepadu, pengurusan tenaga dan perkhidmatan pensijilan bangunan hijau. Selain daripada bangunan pejabat dan hospital, para pelanggannya juga terdiri daripada sektor perindustrian, pembuatan dan hospitaliti, antara lain.

Bahagian *Healthcare Support* Syarikat juga diiktiraf di peringkat antarabangsa untuk menyediakan perkhidmatan bukan klinikal kepada institusi-institusi penjagaan kesihatan yang merangkumi lebih dari 300 hospital di Malaysia, Singapura, Taiwan dan India. Di Malaysia, di bawah konsesi perkhidmatan sokongan hospital nasional, Syarikat bergiat aktif

memperkenalkan penyelesaian cekap tenaga di hospital-hospital KKM di bawah jagaannya, yang terletak di bahagian Utara Semenanjung Malaysia. Ini adalah sejajar dengan Program Pengurusan Tenaga KKM yang diperkenalkan sebagai sebahagian daripada perjanjian konsesi baharu sejak 2015. Bagi tempoh Januari 2017 hingga November 2019, Syarikat telah menjana penjimatan sebanyak RM41.1 juta untuk KKM serta telah berjaya mengurangkan kira-kira 72.2 juta kilo tan pembebasan karbon dioksida di hospital-hospital ini.

Di samping usaha pengurangan pelepasan karbon, Syarikat juga telah memulakan penambahan ruang hijau dan menanam tumbuh-tumbuhan di dalam kompleks hospital. Dengan inisiatif yang didorong oleh KKM dan sebagai sebahagian daripada inisiatif-inisiatif kemampanan dalam kerjasama Syarikat dengan KKM, UEM Edgenta telah menerapkan pemasangan Sistem Fotovoltaik Solar untuk penggunaan tenaga elektrik, Pengumpulan Air Hujan untuk menyiram tanaman-tanaman serta Pengendali Sisa Makanan untuk menukar sisa-sisa kepada baja bio-organik. Inisiatif-inisiatif ini telah melayakkan Hospital Sultanah Maliha di Langkawi menjadi hospital pertama di Malaysia untuk diiktiraf sebagai Hospital Hijau di bawah kategori Bangunan Asal, Operasi dan Penyelenggaraan (“EBOM”), daripada Peneraju untuk Tenaga dan Reka Bentuk Alam Sekitar (“LEED”), yang merupakan sistem penarafan bangunan hijau yang paling banyak digunakan di dunia.

UEM Edgenta merupakan peneraju dalam Reka Bentuk Alam Sekitar dan Tenaga, dan telah melaksanakan teknologi bangunan pintar di mercu tanda penting termasuk Kompleks Setia Perdana, bangunan bertaraf Platinum dalam Indeks Bangunan Hijau yang telah merangkul Anugerah Tenaga ASEAN 2018 serta Anugerah Tenaga Nasional 2018. UEM Edgenta juga menjalankan kontrak Reka Bentuk dan Membina Memorial Tun Hussein Onn (4-tingkat) untuk menggantikan struktur sedia ada, yang direka mengikut piawaian Indeks Bangunan Hijau.

-tamat-

Mengenai UEM Edgenta Berhad

UEM Edgenta (www.uemedgenta.com) adalah syarikat Pengurusan Aset dan Penyelesaian Infrastruktur terkemuka di rantau ini dan anak syarikat UEM Group. Disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad (KLSE: EDGENTA), kepakaran kami meliputi bahagian Healthcare Support dan Property & Facility Solutions, serta Infrastructure Services yang merangkumi penyelesaian untuk lebuh raya dan rel, termasuk pengurusan projek & perkhidmatan kejuruteraan menerusi OPUS Consultants.

Perkhidmatan menyeluruh UEM Edgenta merangkumi sepanjang kitaran hayat aset termasuk perundingan, perolehan dan perancangan pembinaan, operasi dan penyelenggaraan serta pengoptimuman, pemulihan dan naik taraf. UEM Edgenta beroperasi merentasi Malaysia, Singapura, Indonesia, Taiwan, India dan Emiriah Arab Bersatu.

Disiarkan oleh **UEM Edgenta Berhad**; Hubungi Hafiz Noor (hafiznoor@uemedgenta.uemnet.com / 019 424 8283 / 03 2725 6946); atau Juliana Jamaluddin (juliana.jamaluddin@uemnet.com / 012 340 9438 / 03 2725 7367)